

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15

Minyak masak botol turun harga mula 8 September

Minyak masak botol turun harga mula 8 September

Kadar berikutnya ditetapkan secara bulanan ikut nilai satu tan minyak sawit mentah

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga maksimum minyak sawit botol 5 kilogram (kg) diturunkan kepada RM33.50, 3kg (RM21.10), 2kg (RM14.30), 1kg (RM7.50), berkuat kuasa 8 September hingga 7 Oktober ini.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, berkata penurunan harga tetap boleh dilaksanakan walaupun harga minyak sawit mentah (MSM) mencatat sedikit peningkatan.

"Berlaku sedikit kenaikan harga MSM pada Ogos berbanding bulan sebelumnya, iaitu dari pada RM4,060 kepada RM4,170 satutan, naik RM110.

"Bagaimanapun, kita melihat harga dahulu dengan harga lantai dan keadaan sudah stabil selepas sebulan lebih waktu penuhan minyak peringkat awal.

"Mengambil kira faktor ini, jawatankuasa memutuskan untuk menurunkan lagi harga maksimum minyak sawit botol 5kg daripada RM34.70 kepada RM33.50," katanya pada sidang media Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, semalam.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri



Annuar bersama Mustapa dan Nik Muhammad Zawawi pada sidang media selepas memperkenasaran mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Sebelum ini, Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia dilaporkan berkata, harga minyak masak sawit dalam botol akan ditetapkan secara bulanan berdasarkan harga satu tan MSM bulan sebelumnya.

Jualan murah dalam talian

Katanya, kadar siling bulanan itu akan ditetapkan melalui kaedah pengiraan ditentukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas rundingan bersama penggerak industri minyak sawit tulen.

Selain itu, Annuar berkata, kerajaan memperkenalkan Jualan Murah Keluarga Malaysia @ DE-Dagang, yang membolehkan rakyat membeli barang pada harga lebih murah dalam talian.

Katanya, program itu akan berlangsung selama empat bulan, bermula Sabtu ini hingga Disember depan.

"Ia program yang memberikan diskon pembelian dalam talian, dikendalikan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dengan kerjasama 17 platform e-dagang terpilih dari luar negara dan tempatan.

"Melalui program ini juga, kerajaan memperuntukkan RM300 juta dana bagi pelaksanaannya pada September, Oktober, November dan Disember," katanya.

Beliau berkata, program tidak tertumpu pada jualan barang basah, malah diperlusu pada perkhidmatan lain, termasuk pelancongan, produk kraf, pertanian dan barangan Malaysia yang ingin dijual ke luar negara.

Sementara itu, Annuar berkata, selain memberi tumpuan kepada kenaikan harga barang

makanan tertentu, pasukan itu juga akan mengambil tindakan membabitkan kos lain, termasuk dari segi pengangkutan dan perumahan yang turut dikesan membebankan rakyat.

Beliau berkata, tindakan itu berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terhadap 15 item yang berwajarnan tinggi menyumbang kepada inflasi.

"Antara 15 item itu adalah bayaran sewa rumah teres, petrol tanpa plumbum (RON95), bayaran sewa rumah sebuah, bil elektrik, kos bagi nasi campur, kad prabayar, rokok, bayaran sewa rumah, makanan berasaskan mi, langganan ASTRO, bayaran sewa rumah pangapuri dan kondominium, harga ayam goreng, ayam segar dan insuran kenderaan."

"Kita bersama DOSM akan lihat aspek ini dan menggariskan tindakan yang boleh diambil, termasuk dari segi advokasi," katanya.